

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

SBU302 -Asas-Asas Pembangunan Dalam Islam

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Jawapan mestilah tepat, padat dan kritis.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan iman 'Ayan dan nafsu mutma-innah? Huraikan kenapa kedua-dua perkara ini penting di dalam pembangunan berteraskan Islam.

[100 markah]

2. Dalam membentuk konsep pembangunan berteraskan Islam perlukah diambilkira persoalan fungsi kehidupan manusia dan kesepaduan ilmu menurut Islam? Bincangkan dengan kritis.

[100 markah]

3. Menurut Islam, bolehkah seseorang individu yang terlibat di dalam proses pengeluaran mengeluarkan barangan lebih dari yang beliau perlukan? Kalau boleh, bagaimanakah kelebihan itu menjadi tenaga yang dinamik dalam pembangunan?

[100 markah]

...2/-

[SBU 302]

4. Gelagat pengguna dalam pembangunan berteraskan Islam adalah berdasarkan kepada rasionalisme Islam (Islamic rationalism). Apakah dia rasionalisme Islam itu?

[100 markah]

5. Apakah perbezaan antara "samarata" dengan "saksama"? Yang mana satukah yang lebih tepat dari pandangan Islam? Bincangkan secara kritis berdasarkan kepada keadilan pengagihan dalam Islam.

[100 markah]

6. Pelaksanaan pembangunan berteraskan Islam mesti berlandaskan kepada paradigma yang bebas dari paradigma pembangunan lazim. Bagaimanakah pelaksanaan begini dapat direalisasikan dalam keadaan struktur sosial, ekonomi dan politik di Malaysia sekarang?

[100 markah]

-- oo o0o oo --